

**MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA AYAT-AYAT  
YANG MENGANDUNGI PERKATAAN GABUNGAN  
TIGA SUKU KATA TERBUKA KV + KV + KV**

Oleh

**Abdillah Bin Nurdin Asis**

**ABSTRAK**

*Kemahiran membaca bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membatangkan dan membaca perkataan, ayat seterusnya petikan ataupun karangan. Aspek membaca perkataan tiga suku kata KV+KV+KV merupakan salah satu isi kandungan dalam Sukatan Pendidikan Pemulihan Khas Bahasa Melayu. Kegagalan murid menguasai bacaan perkataan tiga suku kata ini akan menyekat penguasaan kemahiran membaca perkataan yang lebih mencabar. Kajian ini dijalankan bertujuan membantu meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang mengandungi suku kata terbuka KV+KV+KV dan mengubah amalan pengajaran guru ke arah pendekatan yang lebih baik melalui aktiviti-aktiviti latih tubi menyebut suku kata KV+KV+KV, nyanyian dan bacaan bergred. Kajian ini dijalankan ke atas 9 orang murid Tahun 3 di SK Ratus, Kuching yang juga merupakan murid-murid pemulihan. Temu bual, Ujian Diagnostik dan Ujian Pos digunakan untuk mengumpul data kajian. Dapatan daripada Ujian Pos menunjukkan peningkatan prestasi berbanding Ujian Pra atau Ujian Diagnostik dari segi kemahiran murid membaca perkataan KV+KV+KV.*

**1.0 Refleksi Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Lalu**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kelemahan 9 orang murid Pemulihan Khas dalam membaca perkataan dan ayat-ayat yang mengandungi gabungan tiga suku kata terbuka KV+KV+KV. Lazimnya murid-murid ini akan duduk dalam kelompok mereka, membuat bising, dan mengganggu murid-murid lain semasa dalam kelas, serta kurang berminat dalam pembelajaran. Mereka juga kurang berminat dalam pembelajaran. Tugasan yang dibekalkan jarang sekali disiapkan dengan sempurna serta tidak memenuhi kehendak guru kerana masalah yang mereka hadapi ini.

Melalui pemerhatian dalam kelas tersebut, punca murid tidak dapat menguasai kemahiran ini kerana aras pengajaran dan pembelajaran (p&p) dalam kelas biasa yang terlalu tinggi serta objektif p&p sukar dicapai berbanding dengan kebolehan dan keupayaan murid ini. Daripada temu bual semasa, didapati mereka kurang berkeyakinan diri, tidak berminat, bosan dan berasa sering dipinggirkan. Saya terpanggil untuk membantu mereka menguasai kemahiran membaca di peringkat yang lebih awal. Guru

memainkan peranan penting memberi kesedaran dan mendekati mereka supaya mereka lebih dihargai dan berasa bertanggungjawab untuk memajukan diri dalam bidang pelajaran. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) seperti kad suku kata KV, kad perkataan KV+KV+KV, kad bergambar, *Power Point*, dan bacaan bergred yang mengandungi ayat-ayat mudah atau petikan pemahaman mudah sebagai bahan rangsangan amat penting dan dapat membantu murid-murid ini menguasai kemahiran yang dikaji.

Berpegang kepada prinsip pemulihan masalah seawal mungkin, saya telah mengesan dan mengenal pasti daerah kelemahan yang dihadapi oleh murid-murid dalam membaca perkataan yang mengandungi tiga suku kata terbuka KV+KV+KV. Berdasarkan Ujian Pra atau Ujian Diagnostik yang dijalankan pada 30 Jun 2009, didapati tahap pembacaan 9 orang murid adalah kurang memuaskan. Mereka sering mengeja pada perkataan sedemikian semasa ujian dijalankan. Aktiviti latih tubi 5 minit sebelum sesi pengajaran dan bacaan bergred semasa sesi p&p berkesan membantu murid-murid ini membaca perkataan yang mengandungi gabungan perkataan KV+KV+KV. Hal ini dikukuhkan lagi semasa sesi pengajaran di dalam kelas pemulihan, iaitu saya menggunakan kaedah belajar menerusi nyanyian seni kata lagu dan permainan yang menggunakan suku kata KV+KV+KV. Aktiviti-aktiviti ini merupakan sesuatu yang amat digemari oleh murid-murid dan dilaksanakan semasa kelas pemulihan.

### **1.1 Fokus Kajian**

Melalui refleksi yang dinyatakan, didapati 9 orang murid Tahun 3 merupakan murid-murid pemulihan di SK Ratus, sebuah sekolah yang terletak di Kuching. Mereka tidak boleh membaca perkataan dan ayat-ayat mudah yang mengandungi gabungan tiga suku kata terbuka KV+KV+KV seperti ‘tomato’, ‘kemeja’, ‘berudu’, ‘kerusi’, ‘pelita’, dan ‘kereta’. Mereka juga menghadapi masalah membaca secara mengeja perkataan, lambat menyudahkan bacaan dan perkataan yang dikuasai pula terbatas pada perkataan KV+KV dan V+KV seperti ‘kami’, ‘saya’, ‘juga’, ‘ini’ dan ‘itu’. Oleh itu, sesuatu perlu saya lakukan dalam usaha membantu mereka menguasai kemahiran 3M. Kemahiran membaca amat penting bagi seorang murid. Sekiranya kemahiran ini tidak dapat dikuasai, hal ini akan memberi kesan yang besar kepada masa hadapan mereka. Kajian ini berfokuskan kepada meningkatkan penguasaan membaca murid yang mengandungi suku kata KV+KV+KV.

### **1.2 Objektif Kajian**

#### ***Objektif Am***

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran 9 orang murid membaca ayat-ayat yang mengandungi perkataan gabungan tiga suku kata terbuka KV+KV+KV.

### ***Objektif Khusus***

1. Murid-murid dapat meningkatkan penguasaan suku kata dan perkataan KV+KV.
2. Murid-murid boleh membaca perkataan KVKVKV hasil gabungan suku kata KV+KV+KV.
3. Murid-murid boleh membaca ayat-ayat yang mengandungi sekurang-kurangnya enam ke lapan patah perkataan gabungan tiga suku kata KV+KV+KV dengan lancar.

## **2.0 Kaedah Penyelidikan**

### ***2.1 Teknik Kumpul Data***

#### ***2.1.1 Temu Bual***

Teknik temu bual tidak berstruktur dijalankan untuk mengesan perasaan murid semasa mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu di Kelas 3.

#### ***2.1.2 Pemerhatian***

Pemerhatian dilakukan untuk mengesan punca kelemahan murid dalam membaca perkataan. Instrumen yang digunakan adalah berpandukan Buku Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas.

#### ***2.1.3 Ujian Pra dan Ujian Pos***

Ujian Pra atau Ujian Diagnostik dan Ujian Pos dilaksanakan di kelas pemulihan berdasarkan bacaan dua buah petikan, ayat-ayat mudah yang mengandungi perkataan gabungan suku kata KV+KV+KV, untuk mengesan masalah membaca dalam kalangan 9 orang murid berkenaan.

## **2.2 Teknik Analisis Data**

### ***2.2.1 Analisis Perbincangan Guru Mata Pelajaran***

Murid-murid terlalu bergantung kepada guru untuk membaca petikan pemahaman dan membuat pembetulan bertulis. Hal ini disebabkan amalan guru yang mengajar membaca ayat-ayat dalam petikan frasa demi frasa dan diikuti oleh murid-murid dalam kelasnya. Murid-murid juga tidak dibantu untuk membuat pembetulan semasa sekiranya berlaku kesalahan ejaan dalam penulisan. Hal ini disebabkan guru mata pelajaran tidak membimbangi murid-murid ini tentang cara-cara membuat pembetulan bertulis (tiada pemulihan dalam kelas) kerana faktor kekangan masa dan bilangan murid yang ramai dalam kelas biasa.

### ***2.2.2 Analisis Temu Bual***

Melalui temubual yang dijalankan, murid-murid menyatakan perasaan kurang yakin dan berasa rendah diri kerana tidak lancar membaca, kawan-kawan lain sering ketawa apabila mereka menyebut perkataan yang salah yang seterusnya menyebabkan mereka kurang minat membaca. Mereka tiada inisiatif membuat pembetulan bertulis kerana tidak tahu bagaimana hendak melakukannya sendiri.

### **2.2.3 Analisis Pemerhatian**

Pemerhatian yang dijalankan ke atas murid-murid ini mendapati mereka tidak bermasalah membaca perkataan V+KV, KV+KV dan KV+KV seperti ‘ada’, ‘ini’, ‘itu’, ‘sana’, ‘buku’, ‘bola’, ‘bas’, dan ‘ros’. Masalah mula timbul apabila mereka tidak dapat membaca suku kata KV+KV+KV kerana kurang penguasaan kemahiran membaca suku kata tertutup KV. Kesan daripada masalah ini, mereka gagal menguasai kemahiran membaca perkataan dan seterusnya ayat-ayat yang mengandungi perkataan KV+KV+KV.

### **2.2.4 Analisis Ujian Pra atau Ujian Diagnostik**

Jadual 1 menunjukkan perolehan markah 9 orang murid pemulihan.

Jadual 1 : Perolehan Markah Murid

Kumpulan Sasaran	Ujian Pra / Ujian Diagnostik (10)	
Murid 1	1	10%
Murid 2	1	10%
Murid 3	7	70%
Murid 4	2	20%
Murid 5	2	20%
Murid 6	4	40%
Murid 7	7	70%
Murid 8	7	70%
Murid 9	7	70%

Keputusan Ujian Pra atau Ujian Diagnostik menunjukkan kesemua murid berkenaan tidak mencapai tahap menguasai kemahiran kerana hanya peratus markah 80 peratus (%) ke atas sahaja dianggap sebagai menguasai kemahiran dalam ujian yang diberikan.

## **3.0 Pelaksanaan Tindakan**

### **3.1 Latih Tubi Membaca Suku Kata KV+KV+KV**

Aktiviti ini dijalankan selama 5 minit sebelum sesi p&p dimulakan di kelas pemulihan semasa mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid-murid diberi kad suku kata KV+KV+KV yang sama dengan carta suku kata KV+KV+KV seperti yang dipamerkan pada Rajah 1.

tomato	kameja
berudu	kerusi
pelita	kereta
ketawa	kamera
kelapa	kepala


Rajah 1: Carta/ Kad Suku Kata KVVKV

Walaupun pada permulaannya murid-murid tersebut mendapatinya sukar membaca, tetapi saya membimbang merekad mengeja dan sebut suku kata secara berulang-ulang dan bersama-sama sehingga murid-murid boleh membaca siri kad suku kata yang disediakan.

Selepas tiga minggu aktiviti ini dilaksanakan, murid-murid ini telah menunjukkan kemajuan dan dapat meningkatkan penguasaan bacaan perkataan KVVKV. Ini dikenal pasti semasa saya meminta murid membaca kad perkataan KV+KV+KV secara individu. Mereka telah boleh membaca perkataan-perkataan tersebut kerana telah biasa dengan ejaan dan sebutan suku kata KV yang dikukuhkan amalannya semasa aktiviti latih tubi tersebut.

### 3.2 Aktiviti Nyanyian

Aktiviti nyanyian dijalankan semasa sesi p&p di kelas pemulihan dengan bantuan komputer riba dan LCD. Murid-murid diberi kad-kad huruf yang bersaiz 10 X 9 sm. Semasa aktiviti nyanyian diajar, murid-murid mengangkat kad-kad huruf membentuk ejaan perkataan KVVKV berdasarkan kad bergambar yang saya tunjukkan seperti yang dipaparkan pada Rajah 2.



Rajah2: Ejaan Perkataan KVVKV berdasarkan Kad Bergambar dan Dinyanyikan mengikut Rentak Lagu ‘Jong-Jong Inai’

Murid amat menggemari aktiviti ini kerana boleh meluahkan perasaan sambil mengukuhkan ejaan perkataan KV+KV+KV seperti ‘kereta’, ‘tomato’, ‘kemeja’, ‘kerusi’, ‘kelapa’, ‘kepala’, ‘pelita’, ‘ketawa’, dan ‘kamera’.

### 3.3 Aktiviti Bacaan Bergred

Bacaan bergred yang mengandungi suku kata KV + KV + KV atau ayat-ayat mudah setiap kali waktu pengajaran Bahasa Melayu turut dijalankan bertujuan untuk memantapkan bacaan murid seperti yang ditunjukkan berikut.



Bacaan bergred atau ayat-ayat mudah tersebut telah dapat meningkatkan penguasaan bacaan murid-murid terutamanya perkataan yang mengandungi gabungan suku kata KV+KV+KV.

## 4.0 Dapatan

### 4.1 Analisis Ujian Pra dan Ujian Pos

Analisis Ujian Pra atau Ujian Diagnostik dan Ujian Pos adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2 : Perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pos

Kumpulan Sasaran	Ujian Pra/Ujian Diagnostik (10)	Ujian Pos (10)
Murid 1	1	10%
Murid 2	1	10%
Murid 3	7	70%
Murid 4	2	20%
Murid 5	2	20%
Murid 6	4	40%
Murid 7	7	70%
Murid 8	7	70%
Murid 9	7	70%

Jadual 2 menunjukkan perbezaan peratus pencapaian setiap murid setelah ujian pos dilaksanakan. Adalah didapati bahawa semua murid tidak mencapai tahap menguasai kemahiran dalam ujian pra manakala ujian pos pula menunjukkan peningkatan iaitu semua murid mencapai tahap menguasai kemahiran yang diuji, iaitu semua murid mencapai tahap 80% ke atas.

Berdasarkan keputusan ujian pos, murid mencapai keputusan yang lebih baik berbanding keputusan ujian pra. Aktiviti-aktiviti latih tubi membaca suku kata KV+KV+KV, nyanyian, dan bacaan bergred telah dapat bantu meningkatkan kemahiran 9 orang murid membaca ayat yang mengandungi perkataan gabungan suku kata KV + KV + KV.

#### **4.2 Refleksi Keseluruhan**

Saya dapati murid yang dahulunya amat lemah dalam kemahiran membaca kini telah menunjukkan perubahan yang begitu ketara, hasil daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Murid-murid juga semakin seronok kerana boleh membaca bukan sekadar perkataan KVKVKV tetapi perkataan yang lebih mencabar lagi. Ini membuktikan bahawa semua murid tersebut mempunyai potensi untuk berjaya sekiranya diberi tumpuan dan bimbingan yang mencukupi dalam usaha meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan mereka.

#### **5.0 Cadangan Untuk Kajian Seterusnya**

Memandangkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan telah dapat bantu meningkatkan penguasaan murid membaca ayat-ayat yang mengandungi perkataan gabungan suku kata KV+KV+KV, saya bercadang untuk mengaplikasikannya kepada murid-murid Tahun 2 dan Tahun 1 yang menghadapi masalah yang sama. Saya juga berpendapat aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga boleh diterapkan kepada guru-guru transisi dan prasekolah. Semoga hasil kajian saya dapat dimanfaatkan dan menjadikan proses p&p lebih menarik dan berkesan.

#### **Bibliografi**

Juriah Long et. al. (1992). *Pengkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Buku Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sulaiman Ngah Razali. (1997). *Pedagogi: Teori dan praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.